

Keputusan semakan kehakiman RCI Batu Puteh 12 Jun

Oleh **YASMIN NATASHA HAIRUL**
yasmin.hairul@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Mahkamah Tinggi di sini semalam menetapkan 12 Jun ini bagi keputusan permohonan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad supaya prosiding Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) untuk Mengkaji Pengendalian Perkara Berkaitan Kes Kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan, dijalankan secara terbuka.

Hakim Datuk Amarjeet Singh dijangka menyampaikan keputusannya beberapa jam sebelum Dr. Mahathir dipanggil memberi keterangan di hadapan panel RCI pada hari sama.

Hakim menetapkan perkara

itu selepas mendengar hujahan oleh peguam bekas Perdana Menteri itu, Zainur Zakaria dan Peguam Kanan Persekutuan Shamsul Bolhassan yang mewakili Jabatan Peguam Negara (AGC).

Zainur berhujah, hak untuk perwakilan undang-undang di bawah Seksyen 18 Akta RCI 1950 perlu dilakukan secara terbuka supaya orang awam tahu tentang perkara sebenar.

"Tun Mahathir telah dipersalahkan dari seluruh negara dan dalam sosial media kerana perkara ini. Prosiding ini tidak dilaporkan secara terbuka. Kenapa perlu bersembunyi daripada orang ramai? Tiada apa yang perlu kita sembunyikan," hujahnya.

Seorang lagi peguam Dr. Ma-

"Hakim Datuk Amarjeet Singh dijangka menyampaikan keputusannya beberapa jam sebelum Dr. Mahathir dipanggil memberi keterangan di hadapan panel RCI pada hari sama."

hathir, Muhammad Rafique Rashid Ali memaklumkan pihaknya akan membentangkan kesemua dokumen, senarai saksi dan bukti pada prosiding RCI, Rabu ini.

Sebelum ini, media melaporkan, Dr Mahathir diarah hadir ke prosiding RCI berkaitan kes kedaulatan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan pada Rabu ini.

RCI itu bertujuan mengkaji pengendalian kes kedaulatan tiga pulau yang terletak di antara Johor dan Singapura.

Ia dijangka menyemak keputusan Kerajaan Pakatan Harapan (PH) pimpinan Dr. Mahathir yang menggugurkan semakan keputusan Mahkamah Keadilan Antarabangsa (ICJ) bagi menganugerahkan pulau Batu Puteh

kepada Singapura.

Sementara itu, Shamsul berhujah, mahkamah tidak patut membenarkan semakan kehakiman tersebut disebabkan pelantikan ahli panel suruhanjaya dibuat oleh Yang di-Pertuan Agong.

Mereka yang dinamakan sebagai responden dalam tindakan undang-undang itu antaranya bekas Ketua Hakim Negara, Tun Md. Raus Sharif yang berkhidmat sebagai Pengerusi RCI; bekas Hakim Mahkamah Persekutuan, Tan Sri Zainun Ali sebagai Timbalan Pengerusi dan Zamri Misman yang merupakan Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang Jabatan Perdana Menteri sebagai Setiausaha.